



# BAB 8

MEMBUDAYAKAN  
PEMBELAJARAN  
SEPANJANG  
HAYAT



## PENDAHULUAN

8.01 Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) merupakan satu proses pendemokrasian pendidikan yang merangkumi program pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi sama ada secara formal atau tidak formal berdasarkan pengalaman dan latihan di tempat kerja. Daya saing global dan kepelbagaian keperluan telah mendesak individu supaya sentiasa memperbaharui pengetahuan dan kemahiran mereka. Hal ini juga dituntut oleh majikan dan industri bagi meningkatkan produktiviti. Pada masa yang sama, sejajar dengan pembangunan sosioekonomi negara, individu semakin sedar dan menghayati keperluan untuk pengayaan ilmu dan kemahiran demi kemajuan dan kepuasan diri. Untuk itu, PSH melalui pendidikan jarak jauh, e-pembelajaran, pembelajaran di tempat kerja dan separuh masa telah menjadi sebahagian budaya dan cara hidup ke arah menyokong pembangunan modal insan selaras dengan keperluan ekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi. Menjelang tahun 2020, pengiktirafan PSH tanpa mengira masa dan tempat menjadi amalan biasa berpandukan MQF.

## STATUS SEMASA

8.02 Secara umumnya, PSH mempunyai konsep untuk memenuhi keperluan individu dan guna tenaga di samping mewujudkan warganegara yang aktif dan kesaksamaan sosial. Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010) telah memberikan penekanan kepada penggalakan PSH dengan menyediakan kemudahan untuk menguasai ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran walaupun selepas tamat pendidikan dan latihan formal. PSH yang dilaksanakan oleh IPT adalah melalui pendekatan pendidikan jarak jauh, pendidikan fleksibel, pengiktirafan pengalaman bekerja (*recognition of prior learning*) dan penawaran kursus pendek bagi peningkatan pengetahuan dan kemahiran diri. Pendidikan jarak jauh telah lama wujud di kebanyakan negara dan telah dianggap sebagai suatu model pendidikan yang dapat memajukan dasar PSH. Ciri pelajar juga telah berubah dari segi umur yang semakin meningkat dan cara belajar pelbagai mod tanpa batasan masa dan tempat. Antara kumpulan sasaran utama PSH ialah golongan dewasa yang bekerja, suri rumah dan warga emas yang mahu memberikan sumbangan kepada negara, menambah baik diri dan mempelbagaikan kemahiran.

8.03 Peruntukan pembangunan modal insan di bawah RMKe-9 adalah sebanyak RM45.15 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM11.27 bilion diperuntukkan untuk sokongan pendidikan lain dan sebanyak RM 4.793 bilion untuk tujuan latihan. Selain peruntukan untuk pembangunan modal insan, kerajaan juga telah memperuntukkan sejumlah RM5.462 bilion untuk program pembangunan belia yang terdiri daripada latihan kepimpinan, latihan kemahiran, latihan perniagaan, latihan pengurusan, pembangunan keusahawanan, Rakan Muda dan pencegahan serta pemulihan. PSH adalah salah satu daripada cabang pengajian untuk individu mendapat manfaat daripada program yang disediakan oleh pelbagai institusi latihan.

8.04 Penjenamaan semula kolej komuniti telah dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 2 Februari 2007. Penjenamaan ini adalah bertujuan untuk mempertingkatkan pembangunan modal insan berkualiti melalui tawaran program pengajian di peringkat diploma, dan menggalakkan kolaborasi antara kolej komuniti dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta swasta. Di samping itu, di bawah penjenamaan semula ini, kerajaan juga menyediakan bantuan kewangan kepada para pelajar yang layak di peringkatsijil. Penyediaan kurikulum dan pelaksanaan program pengajian di peringkat diploma sedang digubal oleh Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Kini, setelah 6 tahun beroperasi sejak tahun 2001, terdapat 37 buah Kolej Komuniti di seluruh negara yang memberikan peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk mendapatkan latihan dan kemahiran. Sebanyak 25 buah Kolej Komuniti akan dibina di bawah RMKe-9 dengan peruntukan kira-kira RM500 juta. Pembaharuan yang dilaksanakan oleh kolej komuniti melibatkan penawaran kursus yang relevan dengan keperluan industri dan memperkukuh hubungan rangkaian strategik dengan industri yang bertujuan untuk menghasilkan pelajar berdaya saing dan meningkatkan peluang pekerjaan.

8.05 Pada tahun 2001, apabila kolej komuniti ditubuhkan, enrolmen pelajar adalah seramai 1,108 orang. Pada tahun 2006, jumlah enrolmen pelajar telah meningkat kepada 11,193 orang, dan peningkatan ini menggambarkan kenaikan melebihi 10 kali ganda dalam tempoh 2001-2006. Oleh itu, kolej komuniti bukan sahaja terkenal tetapi yang lebih penting menjadi laluan alternatif pengajian kepada pelajar berkaitan. Dengan penambahan kapasiti dan penjenamaan semula kolej komuniti, jumlah enrolmen pelajar akan terus meningkat menjelang tahun 2020.

8.06 Institusi pengajian tinggi utama yang menyediakan peluang untuk PSH ialah Universiti Terbuka Malaysia (OUM)<sup>9</sup> yang ditubuhkan pada tahun 2002. Kini, OUM mempunyai jumlah enrolmen pelajar melebihi 50,000 orang. Peranan OUM diperluaskan oleh Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) yang kini mempunyai enrolmen pelajar melebihi 10,000 orang dan Universiti Terbuka Wawasan (WOU) yang baru beroperasi telah mempunyai lebih 1000 pelajar pada sesi Julai 2007/2008. Berdasarkan prasarana yang sedia ada, jaringan kerjasama yang telah terjalin, promosi dan kemudahan pengajaran serta pembelajaran yang diterajui oleh IPTS, maka IPTS tersebut berupaya untuk menjana dan mempertingkatkan bilangan enrolmen pelajar PSH menjelang tahun 2020.



<sup>9</sup> OUM ditubuhkan oleh syarikat METOR iaitu satu konsortium yang dimiliki oleh kebanyakan IPTA.

- 8.07 Selain itu, IPTA yang menyediakan program PSH melalui program pengembangan, eksekutif, separuh masa dan jarak jauh adalah Universiti Malaya (Pusat Pendidikan Berterusan), Universiti Sains Malaysia (Sekolah Pendidikan Jarak Jauh), Universiti Kebangsaan Malaysia (Pusat Perkembangan Pendidikan), Universiti Putra Malaysia (Pusat Pendidikan Luar), Universiti Teknologi Malaysia (Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan), Universiti Utara Malaysia (Bahagian Pendidikan Jarak Jauh) dan Universiti Teknologi MARA (Institut Perkembangan Pendidikan). Jumlah enrolmen bagi IPTA berkenaan pada tahun 2004 adalah seramai 23,768 orang. Seterusnya, kerajaan juga telah meluluskan operasi institut pengajian PSH bersifat antarabangsa melalui penubuhan Asia e-University (dengan pinjaman mudah syarat sebanyak RM100 juta daripada kerajaan) dan Madinah International University (MIDEU).
- 8.08 Untuk memperkembangkan dasar PSH, maka pendidikan jarak jauh ke kawasan yang terpencil telah dibangunkan dengan menubuhkan perpustakaan awam, pusat pembelajaran wilayah, muzium, perpustakaan bergerak, penerbitan berkala dan pancaran satelit. Bagi meningkatkan penyertaan IPTS dalam PSH, pemberian insentif wajar diadakan kepada IPTS yang beroperasi di kawasan kurang maju dan pendalaman.
- 8.09 Untuk menyokong dan mempercepat pembudayaan PSH, penggunaan ICT dan teknologi terkini telah dimanfaatkan secara intensif melalui penggunaan laman web, internet, *mobile learning*, e-pembelajaran, pembelajaran maya, pembelajaran jarak jauh dan sebagainya. Kaedah pengajaran dan pembelajaran secara PSH ini bukan sahaja menjadi lebih keberkesanan kos, tetapi juga memudahkan pelajar mengikuti pengajian kerana mereka dapat belajar secara maya tanpa perlu menghadiri kelas sepanjang masa secara fizikal. Dengan penubuhan MQA, program khusus PSH akan diakreditasi termasuk yang dilaksanakan bersama dengan universiti luar negara.
- 8.10 Dari segi penanda aras antarabangsa, Phoenix University yang merupakan universiti terbesar di Amerika Syarikat ketika ini mempunyai 300,000 pelajar yang boleh memilih 126 program ijazah termasuk sarjana dan PhD. Daripada jumlah tersebut, hanya 27 peratus pelajar belajar secara sepenuh masa, manakala yang lainnya, menggunakan kaedah e-pembelajaran. Open University di United Kingdom pula melaksanakan pelbagai kaedah pengajaran untuk pembelajaran jarak jauh termasuk menggunakan audio-video, internet dan penyiaran televisyen. Kursus berasaskan penyiaran televisyen di BBC oleh Open University telah membawa pembelajaran kepada lebih ramai penonton. Di India pula, Indira Gandhi National Open University (IGNOU) merupakan universiti terbuka yang menggunakan teknologi ICT secara meluas dan telah membuka peluang pengajian tinggi kepada orang ramai di seluruh India. Penyampaian pendidikan jarak jauh dan terbuka IGNOU tersebar luas di India dan 35 buah negara lain, kini mempunyai pendaftaran seramai 1.5 juta pelajar termasuk hampir 540,000 pelajar pascasiswazah.
- 8.11 Sementara itu, Korea Selatan telah membuat pembaharuan dengan menggubal undang-undang berkaitan PSH dan menjadikan *Korea Educational Development Institute (KEDI)* sebagai pusat PSH. KEDI telah menubuhkan *Credit Bank System (CBS)* sebagai instrumen untuk mengiktiraf pembelajaran dan pengalaman di luar sistem pendidikan formal. Menerusi CBS, warga negara Korea mempunyai peluang belajar berterusan dalam sistem terbuka dengan

mengumpulkan kredit yang diluluskan oleh CBS untuk memperoleh sijil, diploma atau ijazah berdasarkan kursus yang diikuti.


## CABARAN

- 8.12 Sistem pengajian tinggi perlu lebih fleksibel dan responsif untuk menyediakan individu yang mampu mengamalkan PSH. Ia juga perlu memberikan ruang dan kerangka pengiktirafan yang membolehkan mobiliti pelajar melalui laluan pendidikan yang pelbagai. Hal ini sekali gus dapat meningkatkan penyertaan daripada pelbagai golongan dan memberikan peluang kedua mengikuti pengajian tinggi selepas mereka tidak mendapat peluang pertama untuk mengahdirinya disebabkan oleh sesuatu halangan atau kekangan. Dalam konteks ini, cabaran yang dihadapi ialah bagaimana untuk meningkatkan penyertaan lebih ramai di kalangan orang awam tanpa mengira had umur untuk menyertai PSH.
- 8.13 Pelbagai IPT terlibat dalam penyediaan pengajian PSH yang meliputi bukan sahaja IPT yang ditubuhkan khusus bagi maksud PSH, tetapi juga IPT konvensional lain yang turut menawarkan program pengajian di bawah kaedah ini. Justeru, kajian perlu dijalankan untuk menentukan sama ada IPT konvensional hanya menumpu kepada program pengajian sepenuh masa atau turut terlibat menyediakan program PSH. Ini memandangkan perbelanjaan besar yang perlu ditanggung oleh kerajaan pada setiap tahun bagi membiayai IPTA dan kebaikan yang boleh diperolehi jika IPT konvensional hanya mengkhusus dalam bidang teras masing-masing. Namun demikian, bagi program lanjutan pengajian yang dianjurkan oleh IPTA yang dapat berdikari dari segi kewangan, program sedemikian wajar diteruskan.
- 8.14 Dasar PSH bukanlah satu perkara baru dan sebelum ini dasar ini pernah digubal oleh beberapa kementerian dan agensi. Sebagai contoh, JPA telah menggubal dasar PSH bagi meningkatkan tahap profesionalisme di kalangan penjawat awam. Manakala, Kementerian Sumber Manusia (KSM) menggubal pelan PSH bagi memenuhi keperluan kemahiran yang pelbagai, pengkhususan dalam industri dan pembangunan sumber manusia. Sebagai pelengkap kepada dasar atau pelan PSH yang dilaksanakan oleh kementerian / jabatan / agensi lain, IPT akan turut melaksanakan program PSH.



8.15 Pelaksanaan dasar PSH secara tersusun dalam kalangan pelbagai Kementerian dan agensi kerajaan memerlukan satu struktur organisasi pusat untuk penyelarasan dan pemantauan aktiviti PSH dari peringkat kemahiran hingga ke pascaijazah. Struktur organisasi yang dicadangkan ialah Jawatankuasa Kebangsaan PSH di bawah Majlis Pembangunan Pendidikan dan Latihan yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri seperti dalam **Rajah 8.1** bertujuan untuk menyatukan usaha pelaksanaan PSH.

**Rajah 8.1**  
**Cadangan Struktur Organisasi Jawatankuasa Kebangsaan PSH**



- Nota:**
- JPA – Jabatan Perkhidmatan Awam
  - IPG – Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran
  - JPK – Jabatan Pembangunan Kemahiran (dahulunya, Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan), Kementerian Sumber Manusia
  - lain-lain – MARA, KEMAS, Institut Pertanian, Institut Kemahiran Belia dan lain-lain
  - MQF – Kerangka Kelayakan Malaysia

**OBJEKTIF**

8.16 Objektif teras ini adalah seperti berikut:

- i. Memastikan PSH menjadi satu gaya hidup masyarakat Malaysia bagi melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran sepanjang hayat.
- ii. Menjadikan PSH sebagai pemangkin kepada pembentukan organisasi pembelajaran di setiap organisasi.

**STRATEGI**

8.17 Untuk mencapai objektif di atas, strategi berikut dicadangkan:

- i. Meningkatkan mekanisme dan prasarana untuk memudahkan PSH sebagai alat menambah pelbagai ilmu dan kemahiran mengikut minat dan kehendak dalam memperkaya kualiti hidup individu.
- ii. Meningkatkan kesedaran dan penyertaan dalam kalangan orang awam supaya dapat memanfaatkan potensi sendiri melalui PSH agar dapat menghasilkan impak positif dari segi produktiviti, daya saing dan kebolehpasaran melalui peningkatan promosi PSH.
- iii. Memelihara kesinambungan dan pengiktirafan PSH.
- iv. Menyediakan sokongan pembiayaan yang sewajarnya bagi membudayakan PSH.





## PELAN TINDAKAN MENJELANG 2020

### Mekanisme dan prasarana

- 8.18 Untuk meningkatkan mekanisme dan prasarana pengajian tinggi, langkah berikut akan dilaksanakan:
- Menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan PSH di bawah Majlis Penasihat Pendidikan dan Latihan yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa ini akan di pengaruhi secara bersama oleh Y.B. Menteri Pengajian Tinggi dan Y.B. Menteri Sumber Manusia. Ahli majlis ini akan terdiri daripada wakil daripada kementerian/ jabatan/ agensi yang berkaitan, pihak swasta dan NGO. Jawatankuasa ini akan menggalakkan semua institusi latihan dan pendidikan pasca menengah dan pengajian tinggi digembleng dalam pelaksanaan PSH. Jawatankuasa ini akan menggubal, menyelaraskan dan menyelia pelaksanaan satu dasar ke arah mewujudkan pembudayaan PSH.
  - Membina dan mengembangkan program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) di IPT melalui penyediaan dan pelaksanaan kurikulum, perisian kursus, e-pembelajaran dan program berasaskan kompetensi.
  - Menyediakan laluan yang menghubungkan kelayakan dan mekanisme pengiktirafan pembelajaran terdahulu melalui MQF dalam bentuk kursus formal atau bukan formal dan pengalaman di tempat kerja serta kegiatan sukarela dijadikan kredit untuk kemasukan ke sesuatu program pengajian.
  - Memperkasakan peranan kolej komuniti sebagai hab PSH dari segi kurikulum, kursus dan mewujudkan hubungan kerjasama dengan agensi yang membangunkan program keusahawanan dan lain-lain untuk komuniti setempat.
  - Menggalakkan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk memanfaatkan kewujudan politeknik, kolej komuniti, universiti dan institusi latihan di bawah kementerian dan agensi lain yang melaksanakan program PSH serta pendidikan lanjutan untuk melatih sumber manusia setempat dalam pelbagai bidang kemahiran.
  - Mencontohi PSH di Korea Selatan dengan menyediakan prasarana yang perlu untuk mempertingkatkan program PSH di negara ini.
  - Menambah enrolmen pelajar PSH sehingga 10 peratus di peringkat diploma dan ijazah dengan syarat kemasukan yang fleksibel.
  - Menggalakkan universiti terbuka menawarkan lebih banyak program di peringkat sarjana dan PhD.

### Pengiktirafan PSH

- 8.19 Untuk memperkemas pengiktirafan PSH, langkah berikut akan dilaksanakan:
- Mengiktiraf program latihan kementerian lain untuk kemasukan ke program IPT di bawah MQF. Pengiktirafan jam kredit akan dinilai berdasarkan kriteria yang ditetapkan untuk tujuan penentuan subjek yang akan diambil dalam sesuatu program kursus.
  - Memudahkan tawaran kursus secara modular mengikut kesesuaian masa peserta. Di bawah kaedah ini, jumlah kredit bagi sesuatu modul dapat di kumpul dan digunakan untuk meneruskan pengajian bagi modul berikutnya pada masa lain sama ada di peringkat sijil, diploma dan ijazah.

### Mempertingkatkan promosi

- 8.20 Untuk menggalakkan lebih ramai orang awam menyertai PSH, langkah berikut akan dilaksanakan:
- Menyediakan kemudahan untuk komuniti mendapatkan maklumat dan bahan pembelajaran PSH secara mudah (seperti kios PSH).
  - Memperkembangkan dan menekankan kesedaran PSH melalui promosi pelbagai media seperti :
    - Siaran radio dan televisyen khas PSH;
    - Menggunakan *role model* terutama pemimpin negeri dalam mempromosikan PSH;
    - Mengadakan promosi menggunakan tema yang menarik seperti *education at your door step*;
    - Menjadikan PSH sebagai satu keghairahan (*passion*); dan
    - Menubuhkan Persatuan PSH peringkat nasional.



Sokongan pembiayaan

8.21 Untuk memantapkan pembudayaan program PSH, langkah berikut akan dilaksanakan:

- i. Meneruskan bantuan kewangan kepada lepasan sekolah menengah daripada golongan miskin di bandar dan luar bandar, bumiputera Sabah dan Sarawak, orang Asli serta orang kurang upaya (OKU) yang belajar di IPT.
- ii. Mengkaji insentif seperti potongan cukai pendapatan kepada majikan atau syarikat yang menaja para pekerja yang mengikuti program PSH termasuk pendidikan dan latihan di tempat kerja.
- iii. Mengkaji kemungkinan pemberian insentif cukai kepada IPTS yang menawarkan pengajian PSH.
- iv. Mewujudkan satu dana latihan khusus untuk IPT yang menjalankan program PSH berdasarkan:
  - IPT yang mengadakan usaha sama dengan Kementerian Sumber Manusia, majikan atau industri dalam mewujudkan pekerjaan baru.
  - IPT yang melaksanakan latihan keusahawanan bersama-sama dengan agensi kerajaan lain kepada usahawan siswazah dan usahawan industri kecil dan sederhana.
  - Program jarak jauh atau e-pembelajaran untuk IPT yang membangunkan dan menawarkan program latihan melalui kaedah tersebut.
  - Latihan peningkatan profesionalisme kepada komuniti setempat.


FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN

8.22 Dalam membangunkan modal insan melalui pembudayaan PSH untuk menyokong keperluan ekonomi berasaskan ilmu dan inovasi menjelang tahun 2020, faktor berikut akan diberi perhatian:

- Pemantauan keberkesanan pelaksanaan PSH;
- Penyelarasan antara kerajaan pusat, negeri dan pihak berkuasa tempatan mengenai pelaksanaan PSH; dan
- Peruntukan kewangan yang sewajarnya disediakan untuk melaksanakan PSH.

8.23 Peringkat transformasi membudayakan PSH bagi menyokong pembangunan modal insan adalah seperti dalam **Rajah 8.2.**

Rajah 8.2:  
Pembelajaran Sepanjang Hayat



PENUTUP

8.24 PSH perlu menjadi amalan hidup setiap rakyat Malaysia yang dahagakan ilmu dan berusaha meningkatkan kemahiran dan kemajuan diri bagi mencapai apa jua matlamat dan objektif mereka. Setiap individu berpeluang mengikuti PSH tanpa mengira di mana mereka berada, dalam apa-apa jua keadaan atau situasi, umur dan latar belakang mereka. Usaha yang dilakukan oleh KPT bagi memberikan pengiktirafan dan menambah laluan PSH merupakan kesinambungan daripada strategi yang dilaksanakan oleh beberapa kementerian dan agensi sebelum ini. PSH boleh dijadikan sebagai satu budaya setiap individu yang berbilang kaum di Malaysia yang dapat menyumbang ke arah pembangunan modal insan yang berkualiti dan seterusnya kepada kemajuan negara. Sebagai kesimpulan, KPT mempunyai peranan dalam usaha menyemarakkan pertumbuhan PSH melalui peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran, penyediaan penarafan, peningkatan akses pendidikan tertiar serta peningkatan pelbagai mod dan laluan kepada setiap individu.